

28 ◉ MENUJU MENARA GADING


Guru memilih melanjutkan pengajian di AeU kerana **jadualnya yang fleksibel dan tidak mengganggu tugas harian**.

AeU sedia Program Pensiwazahan Guru

» Universiti tawar sesi pembelajaran fleksibel, praktikal ikut kesesuaian guru

Profesional perguruan adalah antara cabang kerjaya yang dipandang tinggi oleh masyarakat di seluruh dunia. Penghargaan kepada jasa guru diterjemahkan melalui pelbagai cara termasuk mewujudkan satu hari khas yang dikenali sebagai Hari Guru. Keperluan kerajaan terhadap golongan ini juga mendorong kepada kewujudan pelbagai insentif dan kekenyataan bagi memastikan guru dapat menjalankan tugas mereka seoptimum mungkin.

Selaras evolusi teknologi pendidikan, guru perlu bergerak seiring perkembangan semasa dalam memastikan ilmu yang disampaikan adalah terkini. Wujudnya kumpulan pelajar proaktif yang kadangkala mendahului dalam perolehan data serta sering kali mengajukan soalan kritis memerlukan maklum balas yang pantas dan tepat daripada seorang guru.

Peningkatan tahap pendidikan

Secara amnya, terdapat dua kategori guru di Malaysia. Pertama: guru dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswa-Zahar (PPPS) yang memperoleh ijazah Pendidikan dari Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta dan Kedua: guru dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswa-Zahar (PPPBS) yang memperoleh sijil atau diploma dari Maktab Perguruan atau Institut Pendidikan Guru.

Bagi memastikan guru di kalangan bukan siswazah mendapat peluang peningkatan kerjaya yang sama sebagaimana guru siswazah, Bahagian Pengurusan Pelajaran Mengambil inisiatif mewujudkan sebuah program dinamakan Program Pensiwazahan Guru (PPG) dengan matlamat menaik taraf tahap pendidikan guru dari sijil dan diploma kepada sijil dan diploma Sarjana Muda.

Program yang mula direalisasikan pada tahun 2011 itu menyaksikan kumpulan pertama seramai 93 orang guru memilih untuk menyambung pengajian di Asia e University (AeU) dan memulakan pengajian pada Mac 2011. Selepas tiga sesi pengambilan dilakukan, AeU kini melahirkan hampir 2,000 guru dan kumpulan pertama dijangka menamatkan pengajian mereka pada Ogos 2014.

Pembelajaran teraduan yang fleksibel dan praktikal

Sebagai sebuah universiti yang membawa aspirasi Pendidikan Diperbaikkan, AeU mengaplikasikan mod Pembelajaran Teraduan. Ia adalah kaedah pembelajaran melalui tiga cara iaitu Pembelajaran Kenyataan, Pembelajaran Langsung dalam Talian dan Pengajaran Bersemuka.

Menurut Dekan, School of Education & Cognitive Science (Sekolah Pendidikan & Sains Kognitif), Profesor Dr John Arul Philips, peningkatan jumlah guru yang memilih untuk belajar di AeU membuktikan bahawa universiti ini menawarkan sesi pembelajaran yang fleksibel dan praktikal sebagaimana dikehendaki para guru.

"Mereka tidak perlu mengambil cuti untuk menyambung pengajian kerana di AeU kelas diadakan hanya dua kali dalam sebulan dan diadakan pada hujung minggu. Ini sama sekali tidak mengganggu perjalanan tugas rutin mereka," ujar beliau.

Beliau turut menjelaskan bahawa bahan pembelajaran dimuat naik lebih awal dan boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana jua melalui laman sesawang khas yang dinamakan Private Learning Space (PLS). Melalui PLS, guru turut boleh berbincang sesama mereka mahupun bersama fasilitator akademik secara dalam talian.

Guru turut diberi ruang untuk mengajukan sebarang kemusyikan melalui pertemuan bersemuka dengan fasilitator akademik yang diadakan selama 10 jam di sepanjang semester. Kaedah teraduan ini diyakini akan menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan buat guru.

Peralatan pembelajaran

Menyediakan keperluan guru untuk dilengkapi peralatan pembelajaran yang mampu membantu mereka mengakses maklumat dan bahan pembelajaran di mana jua, AeU membebankan setiap guru PPG yang mendaftar denganannya satu unit komputer tablet iPad.

Penggunaan iPad bukan saja membantu mengurangkan penggunaan kertas, malah turut meringankan beban yang perlu dibawa guru ketika menghadiri kelas.

Sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi bertaraf Antarabangsa, AeU amat menitik beratkan kandungan bahan pembelajaran dan sentiasa memastikan ia relevan dengan subjek dan sensitiviti dikemaskini. Perkara ini direalisasikan dengan pelantikan fasilitator akademik bertauilah dan mahir dalam bidang pengajaran masing-masing serta nota pembelajaran yang sangat mudah difahami dan terkini.

"Dalam memastikan bahan pembelajaran kami adalah relevan dengan keperluan industri, kami meletakkan beberapa pakar dalam bidang pendidikan untuk merangka modul, nota dan soalan. Dari proses menghasilkan kandungan sehingga kepada proses pengajaran, kami memastikan bahan pelajar kami diberi yang terbaik agar ilmu itu dapat diaplikasi oleh mereka di alam kerjaya," jelas Profesor John.

Positif pembelajaran di seluruh negara

Dalam memudahkan guru untuk menghadiri kelas, AeU membuka 22 pusat pembelajaran di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar seperti di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Antara pusat pembelajaran yang berada di kawasan luar bandar adalah di Kudat, Sabah. Kebanyakan guru yang dilatih di sini memerlukan kira-kira dua jam perjalanan melalui kenderaan darat dan sungai dari kediaman mereka. Hal ini bagaimanapun tidak menghalang mereka untuk hadir bagi merealisasikan matlamat menggenggam segulung ijazah.

Untuk maklumat lanjut berkenaan AeU, layari www.aeu.edu.my atau hubungi talian bebas tol 1-300-300-238.

INFO

Program Pensiwazahan Guru di AeU

- ◎ AeU kini melahirkan **hampir 2,000 guru**
- ◎ Program mula direalisasikan pada 2011
- ◎ AeU mengaplikasikan mod Pembelajaran Teraduan
- ◎ AeU tawar sesi pembelajaran fleksibel, praktikal
- ◎ Guru tidak perlu ambil cuti kerana di AeU kelas diadakan hanya **dua kali dalam sebulan**

Positif pembelajaran di seluruh negara

Dalam memudahkan guru untuk menghadiri kelas, AeU membuka 22 pusat pembelajaran di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar seperti di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Antara pusat pembelajaran yang berada di kawasan luar bandar adalah di Kudat, Sabah. Kebanyakan guru yang dilatih di sini memerlukan kira-kira dua jam perjalanan melalui kenderaan darat dan sungai dari kediaman mereka. Hal ini bagaimanapun tidak menghalang mereka untuk hadir bagi merealisasikan matlamat menggenggam segulung ijazah.

Untuk maklumat lanjut berkenaan AeU, layari www.aeu.edu.my atau hubungi talian bebas tol 1-300-300-238.